

Pemergian Pendeta Buddha Yin Shun Ke Alam Nirwana



佛
教
专
栏

DR TEE BOON CHUAN ■ 本期作者

Pendeta Buddha, agama kedua terbesar Malaysia, Yin Shun telah menemukan kenirwanaannya (atau kembali ke Rahmatullah bagi orang Islam) pada pagi 4 Jun di Taipei dengan usia selanjut 99 menurut hitungan tahun Masihi.

Pendeta terulung sesudah pendeta Zhi Xu (1599-1655) bagi negara China ini amat disegani baik di kalangan umat Buddha atau di luar sehingga telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan oleh negara Jepun, pusat pengajian Buddhisme di Asia.



Keulungan Pendeta Yin Shun terserlah pada kemampuannya melintasi pelbagai mazhab agama Buddha dengan menyernihkan ajaran masing-masing kepada suatu rumusan yang dinamai 'Renjian Fojiao' yakni agama Buddha yang berlandaskan dunia nyata dan bukan kayangan yang menjadi tumpuan mazhab Cina dan Tibet sebelum ini khususnya.

Seperti mana 'Islam Hadhari' yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia, 'Renjian Fojiao' bukanlah suatu ajaran, mazhab atau agama baru bagi agama Buddha. Akan tetapi, ia merupakan suatu pendekatan yang membolehkan umatnya menangani tantangan dunia sepanjang hayat seseorang menunaikan nilai-nilai agama tersebut.

Untuk menyakinkan umat pelbagai mazhab Buddha kepada pendekatan 'Renjian Fojiao', sesungguhnya pendeta Yin Shun telah melayakkan diri sebagai pendeta agung pada zaman ini dengan berpuluh-puluh jilid buku yang melibatkan pemahaman semula sejarah agama, pentafsiran kitab pelbagai mazhab, pembicaraan isu-isu semasa dan sebagainya sekaligus telah meletakkan rumusan itu mantap dan berkeadaan kaliber.

Kesan atau pengaruh 'Renjian Fojiao' kini amat terasa di mana-mana tempat agama Buddha itu berada. Umat Buddha Malaysia khususnya yang beralirankan bahasa Cina memang tidak terkecuali daripada kehadiran pendeta besar berkenaan. Malahan Taiwan telah dikatakan oleh pengamat luar yang telah bermazhabkan agama Buddha ala 'Renjian Fojiao'.

Dengan kata yang lain, pemergian pendeta Yin Shun ke alam Nirwana tidak akan menjejaskan pengaruh pendekatan 'Renjian Fojiao' kerana ia telah lama memberi kesan kepada masyarakat Buddha sedunia dan sedia diwarisi oleh pelajar-pelajar yang menjadikannya sebagai wasiat agama.

■ DR TEE BOON CHUAN, Fellow Pengajian Cina dan India, Kolej New Era KAJANG (22/06/2005).

[马佛总资讯网](http://www.mafes.com) 23-06-2005

